

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2014
RUJUKAN : 7222

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana orang ramai boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Pekerja Asing di Putrajaya kerana tidak ada orang yang melayan panggilan yang dibuat oleh orang ramai ke talian telefon bahagian tersebut yang diberikan kepada orang ramai iaitu 03-88868000.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mulai 12 November 2012, Kerajaan telah melancarkan Pusat Panggilan 1 Malaysia (*1 Malaysia One Call Centre - 1MOCC*) yang merupakan pusat panggilan setempat untuk menjawab pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas rakyat melalui panggilan telefon, sistem pesanan ringkas (SMS), faks, emel dan media sosial. Menerusi 1MOCC, semua operator Kementerian, agensi kerajaan dipusatkan kepada satu nombor telefon sahaja iaitu 03-80008000 yang beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun termasuk pada hari cuti umum. Sehubungan ini, talian 03-88868000 tidak lagi digunapakai oleh Kementerian ini.